

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

SEDANIA Catat Hasil Suku Tahunan Tertinggi, Melonjak 45% Tahun ke Tahun

*Pencapaian Hasil Tertinggi Untuk 2Q2025 Didorong Oleh Pertumbuhan Kukuh
Dalam Semua Segmen Perniagaan*

Sorotan Prestasi Utama:

1. Peningkatan Hasil Merentas Semua Segmen Perniagaan

- Hasil 2Q2025 meningkat 45% berbanding tahun sebelum ini, mencatatkan pertumbuhan suku tahunan keempat berturut-turut bagi Kumpulan.
- Segmen FMCG kekal sebagai penyumbang utama hasil, mencatatkan pertumbuhan 46% tahun-ke-tahun ("YoY") kepada RM17.95 juta, didorong oleh permintaan lebih tinggi untuk produk Offspring dan Tanamera dalam pasaran dalam talian dan antarabangsa.
- Segmen teknologi konsumer juga meningkat 32% YoY kepada RM3.37 juta, disokong oleh perkembangan perkhidmatan fintech.

2. Lonjakan Ketara dalam Prestasi Suku ke Suku ("QoQ")

- Hasil Kumpulan meningkat 37% QoQ, memacu pemulihan keuntungan operasi dan menonjolkan keupayaan SEDANIA dalam memperluaskan skala perniagaan di pasaran tempatan dan antarabangsa.
- Pelaburan berterusan dalam penjenamaan, pengiklanan dan promosi telah meningkatkan keterlibatan pengguna serta memperkukuhkan ekuiti jenama.
- Penembusan pasaran bermata wang kukuh, terutamanya di Eropah dan rantau Asia yang berkembang pesat, telah meningkatkan sumbangan hasil dari pasaran antarabangsa.

3. Penyelesaian Baik Kes Timbang Tara Offspring Inc.

- Penyelesaian muktamad di luar mahkamah telah dicapai dengan pihak-pihak terlibat, memastikan hak jenama mutlak dan tiada sebarang halangan terhadap pertumbuhan serta prospek masa hadapan Offspring Inc. selepas ini.

PETALING JAYA, 28 Februari 2025 – SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA" atau "Kumpulan") terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang kukuh, **mencatatkan hasil suku tahunan tertinggi dalam sejarahnya. Hasil suku tahunan melonjak 45% tahun ke tahun ("YoY") bagi suku kedua 2025 ("2Q2025")**, mencerminkan kejayaan pengembangan jenama dan perkhidmatan SEDANIA, serta peningkatan penembusan pasaran di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Didorong oleh permintaan yang semakin meningkat untuk produk FMCG premium dan penerimaan yang lebih luas terhadap penyelesaian digital patuh-Shariah, SEDANIA terus mengembangkan pasarannya secara strategik ke rantau dengan pasaran yang bernilai tinggi, khususnya di pasaran-pasaran utama di Eropah dan Asia, sekaligus mengukuhkan asas hasil serta kehadiran globalnya.

Pengarah Urusan dan Pengasas, Datuk Azrin Mohd Noor, berkata, "Hasil rekod suku tahunan SEDANIA adalah bukti kepada strategi pertumbuhan agresif kami dalam meningkatkan hasil melalui pelaburan strategik dalam pemasaran, pengembangan antarabangsa, dan kecekapan operasi. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh kesetiaan jenama, mempercepatkan penembusan pasaran, dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai jenama dipercayai dalam industri FMCG."

"Saya gembira kerana prestasi kukuh kami bagi suku ini mencerminkan daya tahan SEDANIA dan komitmen kami terhadap inovasi yang berorientasikan pengguna. Disamping berkembang ke pasaran bermata wang kukuh yang

berpotensi tinggi, kami juga terus mengoptimumkan kecekapan bagi memastikan keuntungan jangka panjang dan penciptaan nilai untuk pemegang saham kami."

"Dengan fokus yang tajam pada inovasi produk dan pengembangan pasaran, SEDANIA berada pada landasan yang kukuh untuk mengekalkan momentum pertumbuhan bagi baki tahun kewangan 2025. Ketika kami terus merebut peluang di ekonomi berpopulasi tinggi dan bermata wang kukuh, visi kami tetap jelas – membina perniagaan masa depan yang berdaya tahan dan memberi keyakinan kepada pemegang saham," tambah Datuk Azrin.

Penyelesaian Muktamad Kes Timbang Tara Offspring Inc. – Memperkukuh Fokus dan Halatuju Jenama Offspring

Baru-baru ini, SEDANIA mengumumkan bahawa SEDANIA Corporation Sdn Bhd ("SCSB") telah berjaya mencapai penyelesaian penuh dan terakhir di luar mahkamah bagi kes timbang tara yang melibatkan Offspring Inc. dan SCSB, memastikan resolusi menyeluruh dengan semua pihak berkaitan.

Dengan penyelesaian ini, semua pihak terlibat telah bersetuju untuk menamatkan semua tuntutan, tindakan undang-undang, dan prosiding yang sedia ada atau akan datang berkaitan dengan kes tersebut. Perjanjian ini juga membebaskan SEDANIA sepenuhnya dari sebarang liabiliti semasa atau tersirat, membolehkan Kumpulan bergerak ke hadapan tanpa sebarang gangguan selepas ini.

Pengerusi SEDANIA, YAA Tun Md Raus Bin Sharif, berkata, "Kami berasa gembira dapat mencapai penyelesaian penuh dalam kes timbang tara Offspring Inc., menamatkan dengan sepenuhnya kes ini. Dengan penyelesaian menyeluruh ini, kami kini memegang hak jenama Offspring secara mutlak dan global, lalu mengukuhkan penentuan pertumbuhan serta halatuju masa depan jenama."

"Pencapaian penting ini membolehkan kami menumpukan sepenuhnya kepada penciptaan nilai, pengembangan pasaran, dan inovasi produk. Dengan perkembangan ini, kami akan melaksanakan strategi pertumbuhan kami dengan penuh keyakinan bagi tahun 2025 dan tahun-tahun yang berikutnya," tambah Tun Raus.

"Pemilikan hak global jenama Offspring meletakkan SEDANIA pada landasan yang lebih kukuh untuk mengembangkan perniagaan dengan keyakinan dan kelajuan yang lebih tinggi. Kejelasan strategik ini dijangka memperkukuh daya saing, meningkatkan nilai jenama, dan membuka lebih banyak peluang pertumbuhan kami di pasaran-pasaran utama di luar negara dan digital. Dalam pada itu, kami kekal teguh dengan misi **Memperbaiki Kehidupan Secara Lestari** kami – iaitu membina perniagaan berasaskan kelestarian yang memberi impak positif kepada masyarakat serta mencipta nilai jangka panjang untuk pemegang-pemegang saham kami," ujar Tun Raus.

-TAMAT-

NOTA:

***Pengelasan Semula kepada Sektor Produk & Perkhidmatan Pengguna**

Saham Kumpulan SEDANIA yang didagangkan di Pasaran ACE Bursa Malaysia telah dikelaskan semula di bawah sektor "**Produk dan Perkhidmatan Pengguna**" dan sub-sektor "**Perkhidmatan Pengguna**" masing-masing, berkuatkuasa jam 9.00 pagi, 9 Julai 2024.

(Baki halaman ini sengaja dikosongkan)

Mengenai SEDANIA Innovator Berhad ("SIB")

SEDANIA merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih mampan.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barangan dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: **Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring")**, **Tanamera Group Sdn Bhd ("Tanamera")**, dan **SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd**.

Offspring, jenama bayi mampan yang menawarkan pelbagai produk dengan lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa.

Tanamera adalah penanda aras dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

SEDANIA As Salam Capital, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian FinTech inovatif, pengurusan harta Islam JOMHIBAH, dan Program Pembiayaan GoHalal ("GHP") untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan.

Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barangan dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

Memperbaiki kehidupan secara lestari.

Sila layari www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Dave Pang / Aiza Adriena

Tel: +6016 549 2835 / +6013 931 8676

 [SEDANIA Innovator Berhad](#)

 [sedaniainnovatorbhd](#)

 [SEDANIA Innovator Berhad](#)